

## GARIS PANDUAN OPERASI MAKMAL PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19

Garis Panduan ini adalah terpakai kepada semua staf, pelajar atau sesiapa sahaja yang diberi kebenaran oleh Ketua Jabatan ketika menggunakan kemudahan makmal.

1. **Amalkan penjarakan sosial** di dalam makmal. Setiap makmal hanya boleh membenarkan **hanya satu (1) orang untuk bekerja dalam kawasan 1.5 meter persegi**. Bilangan staf/ pelajar yang boleh berada di dalam makmal adalah bergantung kepada **keluasan makmal** tersebut dan bilangan yang dibenarkan adalah **30%** daripada kapasiti asal. Staf teknikal atau pegawai yang bertanggungjawab terhadap setiap makmal hendaklah memastikan penjarakan sosial ini dipatuhi dan pelajar **tidak bekerja secara berkumpulan**.
2. **Elakkan bersalaman dan bersentuhan.**
3. Makmal hanya boleh dibuka untuk operasi pada pukul **8.30 pagi hingga 5.00 petang** sahaja.
4. Semua pelajar dan staf yang memasuki makmal hendaklah mengisi Borang Saringan Kesihatan Gejala COVID-19 Harian (Lampiran), melalui **pemeriksaan suhu dan merekod kehadiran** di dalam buku log oleh staf/ pegawai yang bertanggungjawab terhadap makmal tersebut. Mereka dengan suhu badan melebihi **37.5° Celsius** tidak dibenarkan masuk. Jadual penggunaan makmal perlu dihasilkan oleh PTJ. Pelajar Ijazah Tinggi yang boleh hadir ke makmal hanya boleh berada di makmal menurut **jadual yang disediakan**.
5. Sesiapa yang menunjukkan simptom-simptom selsema/ batuk dan kesukaran bernafas **TIDAK DIBENARKAN** memasuki makmal.
6. **Hand sanitizer** MESTILAH disediakan dan digunakan pada pintu masuk dan keluar makmal. Sanitizer hendaklah turut diletakkan di tempat strategik dalam makmal bagi menggalakkan penggunaan dari masa ke semasa. Makmal perlu menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun.
7. Pemakaian **topeng muka (face mask)** adalah DIWAJIBKAN.
8. Pegawai yang bertanggungjawab terhadap makmal hendaklah memantau **pergerakan semua pelajar termasuk sebarang pelajar** Ijazah Pertama yang melakukan Projek Tahun Akhir dan memastikan setiap makmal **tidak dihadiri oleh terlalu ramai pelajar** dalam satu-satu masa.
9. Perbincangan **melebihi dua (2) orang** adalah TIDAK dibenarkan sama sekali.
10. Poster bagi penjarakan sosial dan panduan menjaga kebersihan diri hendaklah **dipaparkan** dengan JELAS di dalam setiap makmal.
11. Semua permukaan yang kerap disentuh (contoh tombol pintu, meja, kerusi dan lain-lain) **hendaklah dibersihkan** melalui **kaedah disinfektan** setiap hari.

12. Pihak pengurusan akan membuat **pemeriksaan mengejut** dari masa ke semasa bagi memastikan semua panduan di atas dipatuhi SETIAP MASA. Sekiranya didapati mana-mana **SATU panduan tidak dipatuhi**, operasi makmal boleh diarahkan untuk **DITUTUP dengan serta merta**.
13. **Pelawat, pembekal atau rakan industri TIDAK DIBENARKAN** masuk ke makmal.
14. Ketua Jabatan boleh mengenakan **peraturan-peraturan tambahan lain selain di atas** sekiranya difikirkan wajar bagi mengelakkan risiko berkaitan.

**NOTA:**

- **GARIS PANDUAN OPERASI MAKMAL PASCA PKP COVID-19** ini **TIDAK BOLEH** diambil sebagai Bahagian Penyelidikan & Inovasi memberi kebenaran kepada staf/ pelajar untuk memasuki makmal. Kelulusan untuk memasuki makmal **HANYA** boleh diberi oleh pihak *Nerve Centre* USM ataupun pihak Pengurusan Tertinggi/ Ketua Jabatan.
- Garis panduan ini boleh dipinda dari masa ke semasa tertakluk kepada Pengurusan Tertinggi USM dan arahan daripada KPT.

**Sumber:**

<https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/guidance-for-schools-workplaces-institutions>

(Getting your workplace ready for COVID-19)

<https://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2269?mid=760>

(Annex 25-COVID guide for workplaces)



**SARINGAN KESIHATAN GEJALA COVID-19 HARIAN  
DAILY HEALTH SCREENING FOR COVID-19 SYMPTOMS**

Tarikh/ Date : .....

Masa/ Time : .....

Nama  
Name: .....

Jantina  
Sex : .....

No. Kad Pengenalan  
Identification kad : .....

No Paspot  
Passport No: .....

No. Telefon  
Telephone No: .....

**SILA JAWAB DENGAN JUJUR DAN BETUL/ PLEASE ANSWER WITH SINCERE AND TRUTH**

Jika ADA jawapan 'YA' dan/atau 'Suhu Badan  $\geq 37.5$  C' segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan  
*If ANY answer is 'YES' and/or 'Body Temperature  $\geq 37.5$ ' immediately seek treatment at the nearest health facility*

Adakah Anda Sedang Mengalami <b>GEJALA BERIKUT;</b> <i>Do you have these symptoms?</i>	<b>JAWAPAN / ANSWER</b>	
<b>DEMAM / FEVER</b>	YA/YES	TIDAK/NO
<b>BATUK / COUGH</b>	YA/YES	TIDAK/NO
<b>SAKIT TEKAK / SORE THROAT</b>	YA/YES	TIDAK/NO
<b>SELSEMA / RUNNING NOSE</b>	YA/YES	TIDAK/NO
<b>SESAK NAFAS / SHORTNESS OF BREATH</b>	YA/YES	TIDAK/NO
<b>BACAAN SUHU BADAN /BODY TEMPARATURE</b>	<input type="checkbox"/> < 36.9 C <input type="checkbox"/> 37.0 C – 37.4 C <input type="checkbox"/> $\geq 37.5$ C	

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah betul dan tepat. Tindakan boleh dikenakan jika maklumat yang diberikan adalah palsu.

*I hereby declare that all the information given in this form is true and correct. Action can be taken if the information provided is false.*

Tandatangan

.....

**TERIMA KASIH DIATAS KEJUJURAN DAN KERJASAMA ANDA**